



**MEMORANDUM KEPADA PELAJAR-PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI
KELANTAN DARI 13 - 26 JANUARI 2021**

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 mengenai Pelaksanaan PKPB dan Kenyataan Media daripada Kementerian Pengajian Tinggi berhubung pengoperasian IPT semasa tempoh PKP bertarikh 12 Januari 2021:

1. **Aktiviti Pelajar:**

- Pelaksanaan aktiviti pelajar yang dilakukan secara dalam talian atau platform digital adalah **DIBENARKAN**;
- Aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan, sukan dan kokurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

2. **Aktiviti Sukan dan Riadah:**

- Semua aktiviti sukan dan riadah perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

3. **Aktiviti Keagamaan:**

- Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** dengan mematuhi had kehadiran dan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had kehadiran ditetapkan oleh MKN/KKM/Kerajaan Negeri.

4. Untuk tujuan keselamatan, pelajar yang menginap di Kolej Kediaman **TIDAK DIGALAKKAN** keluar dari kawasan Kolej Kediaman kecuali atas sebab-sebab

tertentu atau kecemasan/penting untuk berbuat demikian. Sebarang pergerakan keluar masuk Kolej Kediaman hendaklah direkodkan dengan Pengawal Keselamatan di Pos Keselamatan yang berada di pintu masuk setiap kampus. Sekiranya ada pelajar yang melanggar arahan ini, pihak UMK tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini (termasuk ditahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 –Akta 342).

5. Walaupun makan di kafeteria / kedai makan adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP PKPB yang telah ditetapkan oleh pihak MKN, para pelajar adalah lebih **DIGALAKKAN** membeli makanan untuk bawa pulang (*take away*) dan penghantaran (*delivery*) atau pandu lalu.
6. Semua pelajar diminta supaya peka dengan arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan Universiti. Para pelajar digesa mengamalkan norma baharu seperti memakai pelitup muka, mengimbas Kod QR MySejahtera di lokasi yang dituju, mengimbas suhu badan sendiri menggunakan yang disediakan, menjalani penjarakan sosial melebihi 1 meter antara individu sepanjang masa dan sentiasa membersihkan tangan dengan *Hand sanitiser* atau dengan air bersih dan sabun.
7. Semua pelajar dipohon mendapatkan maklumat daripada sumber yang betul dan elakkan daripada menularkan berita-berita yang tidak diketahui kesahihannya sehingga mencetuskan situasi panik dikalangan pelajar UMK dan masyarakat.

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
12 JANUARI 2021**